



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN SEPTEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.09.2022	LCS : Bina Dua Sahaja Dari Enam	2
2.	01.09.2022	70% Tasik Di Malaysia Tercemar?	3
3.	05.09.2022	Bukit Cerakah Makin Botak	4
4.	05.09.2022		5
5.	05.09.2022	Otai Persoal Pewartaan Nyahwarta Selepas 22 Tahun	6
6.	17.09.2022	PAC Kumpul Bukti Kes OPV Maritim Malaysia	7

8

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 1 SEPTEMBER 2022

Dalam Negeri

LCS: Bina dua sahaja dari enam

PETALING JAYA: Malaysia seharusnya menumpukan kepada pembinaan dua buah kapal tempur pesisir pantai (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berbanding menyiapkan semua enam kapal tersebut.

Sumber ketenteraan asing yang dihubungi *Utusan Malaysia* baru-baru ini berkata, ini setelah mengambil kira kontroversi yang melanda projek itu dan juga hasil dapatan daripada siasatan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), baru-baru ini.

"Pihak kami telah membaca banyak kemungkinan berhubung pembinaan LCS. Pendapat saya, pilihan terbaik buat Malaysia ialah menyiapkan sekurang-kurangnya dua kapal LCS, dan menyingkirkan idea untuk membina kesemuanya.

"Ini akan membolehkan mereka (Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.) menumpukan kepada pembinaan dua kapal sahaja. Yang jelas mereka kini tidak mempunyai kapasiti untuk menyiapkan semuanya sekali gus, mengambil kira kontroversi yang tercetus," dakwa sumber tersebut.

Ketika ini, kapal 1 didakwa



SALAH satu daripada kapal tempur pesisir pantai (LCS) yang sedang dalam proses pembinaan di Boustead Naval Shipyard di Lumut, Perak.

sudah disiap 60 peratus, kapal 2 (48 peratus), kapal 3 (43 peratus), kapal 4 (36 peratus), kapal 5 (22 peratus) dan kapal keenam belum bermula.

Dalam pada itu, sumber berkata, sebagai wakil ketenteraan yang ditugaskan di negara ini dan sering membuat kunjungan ke atas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), beliau mendapati kemajuan projek LCS berada pada landasan betul sehingga

galah Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada 2018.

Namun, dakwa sumber itu, untuk mengaitkan isu LCS dengan keputusan PRU14 adalah sesuatu yang kurang tepat.

"Kemajuan pembangunan LCS berada di landasan yang betul sehingga 2018. Saya tidak tahu sama ada betul atau salah untuk mengaitkan isu ini dengan pilihan raya 2018 kerana untuk mengaitkannya dengan

pilihan raya mungkin tindakan yang salah.

"Mungkin isu ini tiada kaitan politik, mungkin ada masalah pengurusan," katanya.

Dalam pada itu, sumber tersebut mendakwa, pengurusan yang diberi tanggungjawab untuk membina kapal LCS memang tidak efisien.

"Mereka menangguhkan satu demi satu perkara. Ia kemudian menjadi seperti runtuh salji. Tetapi apa yang saya cukup pasti, selepas pilihan raya 2018, ia menjadi semakin perlahan, tetapi saya tidak tahu mengapa ia berlaku begitu," kata sumber yang memaklumkan beliau memang mengikuti perkembangan isu projek LCS tersebut sejak awal.

Isu LCS menjadi panas pada 4 Ogos lalu apabila PAC mendedahkan sembilan kesimpulan berhubung projek LCS yang mendapati tiada satu pun kapal LCS siap walaupun kerajaan telah membuat bayaran sehingga lebih RM6.083 bilion.

Kontrak projek kapal tersebut diberikan secara rundingan terus dan lima kapal sepatutnya sudah disiap dan diserahkan pada tahun ini.

1 SEPTEMBER 2022 | KHAMIS | MUKA SURAT : 1 & 2

70% tasik di Malaysia tercemar?

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@utusan.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 70 peratus daripada 26 tasik semula jadi dan buatan di negara ini didakwa tercemar akibat aktiviti pembalakan, pencerobohan hutan serta dijumpai tempat pembuangan sampah.

Kedua-dua itu menyebabkan ekosistemnya terganggu dan sekiranya tidak dikawal ia mungkin menerima nasib yang sama seperti Tasik Chini dan Tasik Mentiga di Pahang.

Aktiviti pembalakan, pencerobohan hutan didakwa jadi punca

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Sahabat Alam Sekitar Malaysia (SAS), Datuk Seri Abdul Malek

Yusuf berkata, antara yang didakwa tercemar ialah Tasik Bakun, Sabah; Tasik Timah Tasoh, Perlis dan beberapa lagi di Perak.

Katanya, pencemaran yang berlaku di kawasan tasik lazimnya kurang diketahui umum memandangkan lokasinya yang terletak dalam hutan simpan.

"Saya sedih kerana kebanyakannya tasik ini tidak dijaga dan dipantau sebalikannya oleh pihak atau jabatan terlibat."

Bersambung di muka 2

70% tasik di Malaysia tercemar?

Dari muka 1

"Apabila di dalam hutan simpan, pelbagai kerosakan boleh berlaku di tasik terutama akibat aktiviti pembalakan dan pencerobohan, namun perkara itu tidak diketahui sesiapa kerana tiada badan yang memantau," katanya di sini semalam.

Semakan *Utusan Malaysia* mendapati pada masa ini terdapat sebanyak 16 tasik semula jadi dan buatan di Semenanjung manakala bakinya di Sabah dan Sarawak.


Pada 13 Jun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kebimbangan banyak pihak tentang penarikan balik status Tasik Chini yang diisytiharkan sebagai Rizab Biosfera (BR) oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 2009.

Sebelum ini, akhbar ini mendedahkan kira-kira 10 kampung terletak antara Jambatan Paloh Inai dan Kampung Lubuk Paku sejauh kira-kira 50 kilometer di pesisir Sungai Pahang dikuatir pupus ekoran kehilangan tarikan ekonomi disebabkan penerokaan hutan dan perlombongan hingga menjejaskan ekosistem terutama di Tasik Chini.

Sejak 1960-an, 15 kampung di situ lenyap daripada peta.

Ia susulan kegiatan penerokaan di Tasik Chini sedangkan tasik itu merupakan tapak pertama di negara ini yang diberikan pengiktirafan berprestij, selain Banjaran Crocker di Sabah yang diterima pada 2014.

Sementara itu, Tasik Mentiga yang berkeluasan kira-kira 121 hektar di Kampung Tasik Mentiga di sini kini senasib dengan



TASIK Mentiga yang bertukar menjadi kawasan paya berdekatan Kampung Tasik Mentiga, Chini. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

kembarnya, Tasik Chini apabila kawasan semula jadi sekitarnya musnah akibat aktiviti manusia.

Tok Batin Kampung Tasik Mentiga, Joheng, 62, berkata, tidak ramai yang tahu kewujudan Tasik Mentiga kerana kurang pendedahan tentang kawasan tersebut yang kini menjadi kawasan berpaya.

Menurutnya, sebelum tahun 1970-an, Tasik Mentiga sama seperti Tasik Chini sebagai sumber protein kepada penduduk Orang Asli etnik Jakun dan tarikan pelancong untuk menyaksikan keindahan alam semula jadi.

"Ketika itu Tasik Mentiga cantik dengan keindahan flora dan fauna terutama pada Jun apabila bunga teratai berkembang. Dulu lebih 30 jenis ikan ada di tasik ini dan boleh dipancing dengan mudah."

"Tetapi kini Tasik Mentiga

mati dipenuhi rumpai yang hampir menjadi daratan kerana faktor pencemaran aktiviti manusia," katanya di sini semalam.

Joheng berkata, perubahan mendadak berlaku pada 1975 apabila banyak pokok diteroka dan ditebang untuk pertanian.

Sebelum ini, Pengerusi Peratuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Pahang, Noor Jehan Abu Bakar berkata, menjadi kerugian besar kepada negara jika status BR Tasik Chini ditarik balik oleh UNESCO.

Malah, Felo Penyelidik Kanan Institut Sains Bumi dan Samudera, Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah berkata, sekurang-kurangnya 20 tahun diperlukan untuk pemulihan semula BR kawasan Tasik Chini yang musnah akibat pencemaran dan perlombongan di kawasan itu.

5 SEPTEMBER 2022 | ISNIN | MUKA SURAT : 1



Bukit Cerakah

PEMANDANGAN udara sebahagian Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah bersebelahan Persiaran Mokhtar Dahari di Shah Alam yang dirakam pada 28 Ogos lalu. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Bukit Cerakah makin botak

Sejak 1924 hingga Mei lalu, 22 kali hutan simpan simpan di situ dinyahwarta

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamalaysia.com.my

SHAH ALAM: Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah (HSKBC) tidak berhenti diancam pembersihan dan menerusi pewartaan terbaharu pada 5 Mei lalu, kawasan tersebut sudah 22 kali dinyahwarta sejak 1924.

Keluasan HSKBC kali terakhir dilaporkan sebelum pewartaan nyahwarta terbaharu adalah sekitar 2,601.319 hektar, namun kini semakin mengecil

dipercayai berbaki hanya 2,139 hektar.

Nyahwarta terbaharu membabitkan kawasan seluas 406 hektar tetapi membimbangkan apabila tinjauan mengesan satu lagi kawasan berhampiran Bukit Bayu membabitkan kawasan seluas 56.6 hektar turut dibersihkan.

Kawasan tersebut tidak termasuk dalam kawasan dinyahwarta yang baru diwartakan oleh Selangor.

Kawasan yang dilabel seba-

gai Kompartmen 32 itu didakwa sudah digondolkan sejak Julai 2018.

Warta Kerajaan Negeri bernombor 1645 bertarikh 14 April 2022 itu menandakan kawasan seluas 406 hektar yang sebahagiannya termasuk dalam blok berlabel Kompartmen 35 bersebelahan Persiaran Mokhtar Dahari kini boleh 'digondolkan' secara sah.

Namun, timbul tanda tanya kenapa nyahwarta tersebut hanya diwartakan selepas 22

tahun keputusan dibuat dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 2000.

Nyahwarta terbaharu yang membabitkan kawasan tersebut dipecahkan kepada lima lot sebelum 'diagih' kepada pemilik-pemiliknya yang dikuatiri akan terus 'membotakkan' HSKBC seterusnya memberi kesan kepada alam sekitar dan hidupan liar di situ.

Bersambung di muka 7

Dalam Negeri

Bukit Cerakah makin botak

Dari muka 1

Pembersihan di Kompartmen 32 itu turut mencetuskan persoalan apabila terdapat sepuuk surat bahawa laporan penilaian impak alam sekitar (EIA) daripada sebuah syarikat kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor hanya dikeluarkan pada 2016 iaitu 16 tahun selepas MMKN Selangor meluluskan nyahwarta di kawasan terbabit pada tahun 2000.

Seorang aktivis Persatuan Rimba Komuniti Shah Alam (SACF), Dr. Lim Teck Wyn berkata, cubaan pihaknya untuk mengetahui peawatan di Kompartmen 32 tidak menemui maklumat berkaitan kawasan tersebut.

"Kawasan tersebut tidak termasuk dalam 406 hektar yang disiarkan wartanya pada Mei lalu, namun sudah dibersihkan dan terletak berhampiran dengan Taman Botani Shah Alam.

"Justeru, kami percaya kawasan tersebut mengalami nasib serupa seperti blok lain iaitu digondolkan sebelum dinyahwarta. Tetapi, bukan isu warta dibangkitkan, sebaliknya nasib satu-satunya hutan di

bandar itu yang semacam tidak lagi selamat," katanya.

Nyahwarta berterusan menggambarkan kerajaan negeri tidak serius mempertahankan baki hutan simpan 30 peratus di negeri itu. Lebih merisaukan apabila nyahwarta itu tidak dinyatakan kawasan hutan baharu untuk diwartakan.

Malah, nyahwarta tersebut dilihat bertentangan dengan kenyataan Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian pada 24 September 2021 yang menyatakan nyahwarta tersebut dilakukan pada 2006 iaitu sebelum pindaan enakmen mengikut Akta Perhutanan Negara 1985 pada 2011.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), Damien Thanam Divean berkata, kawasan Kompartmen 32 bersebelahan dengan Bukit Bayu kini terbiar dan bersemau sedangkan kawasan asal merupakan hutan semula jadi yang berkualiti dengan pokok-pokoknya bersaiz besar.

"Kini Kompartmen 32 dibiarkan lapang tanpa pemuliharaan. Syarikat asal membuat pembersihan sejak 2018, malah ketika Perintah



DAMEIN Thanam bersama beberapa rakan Kumpulan Otai Reformis 1998 ketika membuat tinjauan sekitar Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah beberapa bulan lalu.

Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 mereka masih menjalankan kerja-kerja pembersihan. Malah, pembersihan juga dipercayai memasuki 11 hektar di kawasan Taman Botani Negara Shah Alam dan pernah mendapat perhatian kerajaan negeri," katanya ketika meninjau kawasan tersebut baru

baru ini.

Menurut beliau, kerajaan negeri digesa menghentikan pembangunan di kawasan tersebut serta 406 hektar yang dinyahwarta seperti dalam perintah injuksi interim, kerana tidak wajar menguatkuasakan keputusan MMKN yang sudah 22 tahun berlalu.

Pada 11 Ogos lalu, SACF dan Peka berjaya mendapatkan perintah injuksi interim dari Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi menghentikan kerja-kerja pembinaan dan pembersihan 406 hektar hutan tersebut.


Sehubungan itu, kata Damien, jika berlaku proses pemberian tanah yang mencurigakan sebelum keputusan MMKN pada tahun 2000, kerajaan negeri digesa menyiasat dan melaporkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bukan sebaliknya menguatkuasakan nyahwarta selepas 22 tahun.

"Jika ada isu perundangan sekali pun yang menghalang pihak berkuasa daripada membatalkan keputusan MMKN pada tahun 2000, patut dipersoalkan bagaimana tanah tersebut diserahkan kepada syarikat swasta?

"Terdapat sembilan entiti menjadi pemilik kepada sembilan kawasan dalam HSKBC tidak termasuk Kompartmen 32. Lima daripadanya masih hijau dan belum disentuh. Sementara yang lain seperti Kompartmen 35 di sebelah Persiaran Mokhtar Dahari sudah dibersihkan," tegasnya.

Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah dinyahwarta kali ke-22

Sejak 1924 hingga 2020 dinyahwarta 21 kali membabitkan kawasan seluas **12,892.48 hektar**



Dalam Negeri

Senarai nyahwarta di HSKBC

1. G.N. 3982-1924
1,906.07 hektar
Kampung Parit Oman / Bukit Kuching
2. G.N. 2667-1928"
19 hektar
Pembaharuan 18.6 hektar
3 roads 10 perches
3. G.N. 383-1950
101.17 hektar
Rizab Bumiputera di Bukit Cerakah (G.N. 499-1950)
4. G.N. 460-1962
121.4 hektar
Kampung Bukit Kerayong
5. G.N. 90-1974
93.07 hektar
Kampung Bukit Cerakah Jaya
6. G.N. 179-1976
222.6 hektar
Perumahan Cahaya SPK
7. G.N. 567-1979
2,840.08 hektar
Skim Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (sekarang Bandar Puncak Alam)
8. G.N. 216-1980
35.21 hektar
Jalan Simpang Tiga, Jeram
9. G.N. 50-1990
4,498.08 hektar
Felda Bukit Cerakah dan UTM Puncak Alam
10. G.N. 288-1991
161.87 hektar
Perumahan Kayangan Heights
11. G.N. 289-1991
80.94 hektar
Monterez Golf & Country Club
12. G.N. 290-1991
40.47 hektar
Perumahan Sunway Kayangan
13. G.N. 664-1991
202.34 hektar
Kampung Baru Subang dan Desa Subang Permai
14. G.N. 426-1992
1,257.76 hektar
Bukit Bandaraya Seksyen U11, Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE), Taman Botani Negara Shah Alam
15. G.N. 540-1995
161.87 hektar
Puncak Perdana, Perdana Heights, Sunway Alam Suria
16. G.N. 918-1995
136.78 hektar
Bandar Nusa Rhu, Taman Bukit Impian, Taman Bukit Sandaran
17. G.N. 164-1996
664.49 hektar
Kampung Bukit Cerakah Jaya, Persiaran Mokhtar Dahari
18. G.N. 106-1998
57.06 hektar
Perumahan Subang Impian
19. G.N. 946-1998
23.88 hektar
Bukit Bayu
20. G.N. 946-1998
149.73 hektar
Aria Rimba
21. G.N. 1278-2005
118.57 hektar
LYL Logistic Park, Greenhill Residence



PEMANDANGAN udara sebahagian Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah bersebelahan Persiaran Mokhtar Dahari di Shah Alam yang dirakam baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Otai persoal pewartaan nyahwarta selepas 22 tahun


SHAH ALAM: Isu penggilan Hutan Simpan Bukit Cerakah (HSKBC) turut mendapat perhatian komuniti penyokong Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Kumpulan Otai Reformis 1998 (Otai) yang mendakwa masalah tersebut sebagai satu reformasi yang gagal.

Menurut Setiausahanya, Abdul Razak Ismail, kerajaan negeri tidak sepatutnya meneruskan agenda kerajaan dahulu apatah lagi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dibuat 22 tahun lalu.

"Sudah lebih 20 tahun tiba-tiba baru April tahun ini diwartakan? Kemudian kerajaan negeri memberi alasan itu adalah keputusan tergantung yang dibuat sebelum pindaan enakmen mengikut Akta Perhutanan Negara 1985 pada 2011.

"Jadi tak hairanlah kalau penduduk, peminat aktiviti rekreasi di Rimba Komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memohon perintah injunksi sementara untuk mengantung warta. Malah saya sendiri ambil inisiatif serahkan perintah tersebut kepada defendan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menerusi perintah injunksi interim oleh Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Dr. Shahnaz Sulaiman 11 Ogos lalu menamakan empat defendan iaitu Majlis



SPESES kucing batu yang berjaya dirakam penyelidik SACC di Hutan Simpan Bukit Cerakah sebelum ini.

Eksekutif Kerajaan Negeri Selangor (Exco), Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Petaling dan Kerajaan Negeri Selangor

Kata Abdul Razak, beliau mengambil inisiatif menyerahkan perintah tersebut kepada semua defendan sejak minggu lalu bagi memastikan undang-undang itu dikuatkuasakan.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ketika ditemui pada

30 Ogos lalu enggan mengulas berkenaan isu tersebut namun menganggap perintah mahkamah berhubung HSKBC proses perundangan biasa.

"Itu proses biasa sebab mereka sedang menunggu untuk penilaian kes, jadi saya ingat itu proses biasa kita kena hormati perintah mahkamah," kata Amirudin.

Dalam pada itu, usaha menghubungi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan

Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian untuk mendapat komen gagal.

Akhir ini pernah melaporkan HSKBC semakin mengecil apabila dalam tempoh 96 tahun sejak 1924 hingga 2020 mengalami penyahwartaan sebanyak 21 kali membabitkan kawasan seluas 12,892.48 hektar.

Meskipun semakin mengecil, HSKBC hutan semula jadi menyimpan khazanah alam yang unik seperti 19 jenis haiwan dan lebih 400 spesies tumbuhan herba menerusi penemuan dirakamkan penyelidik daripada Shah Alam Community Forest (SACF).

Menurut seorang penduduk di Perdana Heights yang enggan dikenali berkata, kerja-kerja pembinaan masih diteruskan termasuk adakala mendengar dentuman bom dari bukit berhampiran Persiaran Mokhtar Dahari.

"Kontraktor terus melakukan kerja di kawasan berkenaan dan meletupkan bom antara pukul 12 tengah hari hingga 3 petang pada setiap hari Isnin hingga Khamis. Letupan tersebut dilakukan sejak tahun lalu.

Kata penduduk itu lagi, pembersihan hutan itu turut mengakibatkan berlaku konflik antara hidupan liar dengan penduduk di kawasan tersebut apabila mereka bimbang dengan kemunculan tapir dan babi hutan di kawasan perumahan.

17 SEPTEMBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 10

PAC kumpul bukti kes OPV Maritim Malaysia

PETALING JAYA: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat untuk membincangkan keperluan menyiasat isu pembinaan tiga buah Kapal Peronda Luar Pesisir (OPV) milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatankuasa PAC, Ahmad Hassan berkata, PAC kini sedang mengumpul maklumat berhubung kes itu kerana difahamkan turut berdepan masalah sama seperti projek kapal tempur pesisir pantai (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"PAC akan mengadakan mesyuarat dan sekarang kita kumpul maklumat terlebih dahulu bagi membolehkan kita



AHMAD HASSAN

menentukan sama ada terdapat keperluan untuk menjalankan siasatan ke atas pihak berkaitan pembinaan OPV atau sebaliknya. Penelitian juga akan dibuat secara menyeluruh.

"Ketika ini, PAC masih belum menjalankan sebarang siasatan

secara rasmi membabitkan isu kelewatan projek berkenaan namun, kita akan lihat dan bincang secara bersama dalam mesyuarat nanti. Kita juga akan menilai keperluan untuk menyiasat kerana ketika ini masa semakin suntuk proses siasatan.

"Saya cakap begitu kerana khuatir siasatan akan terhenti di tengah jalan sekiranya Parlimen dibubarkan. Jadi kita kena tengok perkara ini dan jika pihak lain yang dilantik menjadi ahli PAC selepas ini, saya harap siasatan dapat diteruskan sehingga selesai jika kita mulakan sekarang," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada PAC akan melakukan siasatan selepas diberikan ruang sepenuhnya untuk

menyiasat isu pembinaan tiga buah OPV milik Maritim Malaysia menimbulkan kebimbangan projek itu berdepan masalah sama seperti projek LCS milik TLDM.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan langsung tidak menghalang PAC menjalankan siasatan terhadap sebarang isu.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, tiga kapal OPV masih dalam pembinaan dan kapal OPV 1 dijangka diserahkan kepada Maritim Malaysia awal tahun depan manakala OPV 2 dan OPV 3 diserahkan secara berperingkat.